



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH DI KALANGAN GURU BESAR DI DAERAH MANJUNG.

LING LAY TING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH
UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
PERAKAUNAN

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

26 Mac 2007

LING LAY TING
M20051000128



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan izin tuhan, saya bersyukur kerana akhirnya saya dapat menyiapkan kertas projek ini.

Saya dengan ikhlas dan terhutang budi untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya En. Mohd Abdullah bin Jusoh, selaku pensyarah yang juga Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi. Beliau telah begitu sabar dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan galakan kepada saya dalam menyiapkan projek ini. Segala tunjuk ajar dan nasihat yang membina akan saya kenangi sepanjang hayat.

Penghargaan ini juga ingin saya sampaikan kepada guru besar di daerah Manjung yang sudi memberi kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga saya mengiringkan kasih sayang kepada keluarga saya yang berkorban dengan penuh kesabaran, mencetuskan inspirasi, memberi dan menyemarakkan semangat dan galakan terhadap diri saya dalam menjayakan kajian kertas projek ini.



Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu yang turut memberi dorongan, sumbangan dan bantuan dalam menyiapkan projek ini baik secara langsung maupun secara tidak langsung.

Terima kasih kepada semua.

Ling Lay Ting
Program Sarjana Pendidikan Perakaunan
UPSI 2005/2007





ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus kepada pematuhan prosedur kewangan, peranan dan tanggungjawab, amalan dokumentasi dan tahap penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah. Ia merupakan satu kajian yang berbentuk kuantitatif dan data dikumpul melalui kaedah soal selidik. Sampel adalah terdiri daripada 50 orang guru besar di daerah Manjung. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara faktor demografi dengan amalan pengurusan kewangan di sekolah. Antara faktor demografi yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pengurusan kewangan sekolah di kalangan guru besar adalah jantina, umur dan tempoh perkhidmatan. Justeru itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan cadangan-cadangan yang diharapkan akan mendatangkan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menambahbaik pengurusan kewangan sekolah.



ABSTRACT

This study focus on the act of abiding the financial procedure, its roles and responsibility, documentation practice and also the involvement of the Headmaster or Headmistress of the school. It is a quantitative form of survey and the data is derived through questionnaires. This representative sample is made up of 50 Headmaster and Headmistress in the district of Manjung. The result of the survey shows a between the demography factor and the financial management practiced. Among the factors that had a significant relation with the Headmasters or Headmistresses style of financial management in school are namely:- the gender factor, age and also the number of years of his or her service. Thus, based on the outcome of this survey, the researcher has proposes recommendation with the hope that it will be beneficial to all concerned in the efforts to enhance the monetary or financial management of schools.

KANDUNGAN

HALAMAN

Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak dalam Bahasa Melayu	iv
Abstrak dalam Bahasa Inggeris	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	x

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Hipotesis Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Pengistilahan	15
1.9 Modal Konseptual	19
1.10 Kesimpulan	20

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	21
2.2	Pematuhan Prosedur Pengurusan Kewangan	23
2.3	Peranan dan Tanggungjawab Guru Besar	29
2.4	Amalan Dokumentasi Dalam Pengurusan Kewangan	37
2.4.1	Kumpulan Wang Kerajaan	38
2.4.2	Kumpulan Wang SUWA	39
2.4.3	Kumpulan Wang Asrama	41
2.5	Tahap Penglibatan Guru Besar Dalam Pengurusan Kewangan	45
2.6	Kesimpulan	49

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	51
3.2	Pemilihan Sampel	51
3.3	Instrumen Kajian	52
3.3.1	Pembahagian dalam Instrumen	53
3.4	Pentadbiran Kajian	54
3.5	Analisa Data	55
3.6	Kesimpulan	55



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisa Dapatan Kajian	58
4.2.1	Statistik Dekriptif Ciri-ciri Demografi Responden	58
4.2.1.1	Profil Responden Mengikut Jantina	58
4.2.1.2	Profil Responden Mengikut Umur	59
4.2.1.3	Profil Responden Mengikut Kelayakan Akademik	60
4.2.1.4	Profil Responden Mengikut Kursus Kewangan	61
4.2.2	Statistik Inferens Ciri-ciri Demografi Responden	62
4.2.2.1	Ujian-t : Jantina	62
4.2.2.2	Ujian-t : Kursus Kewangan	65
4.2.2.3	Ujian Anova Sehala : Umur	67
4.2.2.4	Ujian Anova Sehala : Kelayakan Akademi	71
4.2.2.5	Ujian Anova Sehala : Tempoh Perkhidmatan	74
4.3	Kesimpulan	77

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	81
5.2.1	Faktor demografi yang mempengaruhi pematuhan Prosedur kewangan	82

5.2.2 Faktor demografi yang mempengaruhi peranan dan tanggungjawab	83
5.2.3 Faktor demografi yang mempengaruhi amalan dokumentasi	84
5.2.4 Faktor demografi yang mempengaruhi tahap penglibatan	85
5.2.5 Rumusan	86
5.3 Implikasi Kajian	86
5.3.1 Pematuhan prosedur kewangan	87
5.3.2 Peranan dan tanggungjawab guru besar	87
5.3.3 Amalan dokumentasi	87
5.3.4 Tahap penglibatan	88
5.4 Cadangan	88
5.4.1 Melantik guru besar muda	89
5.4.2 Tanggungjawab guru besar	89
5.4.3 Memperbaiki sistem latihan	90
5.5 Cadangan penyelidikan pada masa depan	90
5.6 Kesimpulan	91
RUJUKAN	92
LAMPIRAN A	97
LAMPIRAN B	104
LAMPIRAN C	105
LAMPIRAN D	107

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
--------	------------

4.1 Taburan responden mengikut jantina	55
4.2 Taburan responden mengikut umur	56
4.3 Taburan responden mengikut kelayakan akademik	57
4.4 Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	57
4.5 Taburan responden mengikut kursus kewangan	58
4.6 Keputusan ujian-t bagi perbezaan pematuhan prosedur Mengikut jantina guru besar	59
4.7 Keputusan ujian-t bagi perbezaan peranan dan tanggungjawab Mengikut jantina guru besar	60
4.8 Keputusan ujian-t bagi perbezaan amalan dokumentasi Mengikut jantina guru besar	60
4.9 Keputusan ujian-t bagi perbezaan tahap penglibatan Mengikut jantina guru besar	61
4.10 Keputusan ujian-t bagi perbezaan pematuhan prosedur Mengikut kursus kewangan guru besar	62
4.11 Keputusan ujian-t bagi perbezaan peranan dan tanggungjawab Mengikut kursus kewangan guru besar	62
4.12 Keputusan ujian-t bagi perbezaan amalan dokumentasi Mengikut kursus kewangan guru besar	63
4.13 Keputusan ujian-t bagi perbezaan tahap penglibatan Mengikut kursus kewangan guru besar	64

4.14	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan pematuhan prosedur Mengikut umur	64
4.15	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan peranan dan tanggungjawab Mengikut umur	65
4.16	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan amalan dokumentasi Mengikut umur	66
4.17	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan tahap penglibatan Mengikut umur	67
4.18	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan pematuhan prosedur Mengikut kelayakan akademik	68
4.19	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan peranan dan tanggungjawab Mengikut kelayakan akademik	69
4.20	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan amalan dokumentasi Mengikut kelayakan akademik	70
4.21	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan tahap penglibatan Mengikut kelayakan akademik	70
4.22	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan pematuhan prosedur Mengikut tempoh perkhidmatan	71
4.23	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan peranan dan tanggungjawab Mengikut tempoh perkhidmatan	72
4.24	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan amalan dokumentasi Mengikut tempoh perkhidmatan	73
4.25	Ujian Anova Sehala bagi perbezaan tahap penglibatan Mengikut tempoh perkhidmatan	74
5.1	Hubungan antara amalan pengurusan kewangan guru besar Dengan faktor demografi	86



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peruntukan kewangan untuk sektor pendidikan di Malaysia didapati begitu besar dan semakin bertambah pada setiap tahun. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) 2006-2010, kerajaan telah memperuntukan RM40,356.5 juta untuk perbelanjaan pendidikan. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak RM2,434.5 juta berbanding dengan peruntukan perbelanjaan pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) 2001-2005.

Memandangkan peruntukan perbelanjaan untuk pendidikan semakin tinggi, maka kerajaan perlu memastikan setiap ringgit yang diperuntukkan akan memberi pulangan yang maksimum. Kawalan kewangan perlu bagi memastikan program dan aktiviti agensi kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan agar pencapaiannya memenuhi keperluan rakyat. Kawalan juga perlu bagi mematuhi kchendak akauntan awam iaitu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



membuktikan segala peruntukan kewangan dibelanjakan bagi kepentingan awam mengikut undang-undang.

Oleh itu, guru besar sekolah hendaklah mengambil langkah yang paling bijak dan berkesan agar perbelanjaan untuk pendidikan di sekolah dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh para pelajar. Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan dengan memuasnya. Jadi, untuk memastikan segala perbelanjaan awam yang dilaksanakan memberi pulangan yang setimpal dengan pelaburan ataupun peruntukan kewangan yang disalurkan, beberapa arahan dan garis panduan dikeluarkan. Bagi menjamin pengurusan kewangan ditadbirkan dengan baik dan memuaskan.

Kementerian Pendidikan mengeluarkan pekeliling-pekeliling kewangan, mengadakan seminar-seminar serta kursus untuk guru besar serta pegawai-pegawai kewangan sekolah dari semasa ke semasa pada peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah.

Pengurusan kewangan yang baik memastikan sumber-sumber terhad khususnya peruntukan kewangan digunakan secara cekap. Ia dapat mengelak kos-kos melepas terhadap tujuan lain yang dianggap kurang penting daripada segi keutamaan. Tempoh pembangunan hari ini memerlukan harapan orang ramai dipenuhi secepat mungkin. Sebarang kelewatan dan kekurangan melaksanakan program dan aktiviti akibat kekurangan ataupun kelemahan dalam perancangan atau anggaran perbelanjaan perlu dielakkan. Lebihan anggaran peruntukan mengakibatkan kerajaan terpaksa mendapatkan pinjaman-pinjaman tambahan dan membelanjakan wang yang banyak bagi membayar faedah-faedah ke atas pinjaman yang tidak diperlukan (Lee,2000).





Pihak perbendaharaan juga mengeluarkan surat pekelilingnya berkenaan penurunan kuasa kepada agensi-agensi kerajaan agar dapat menguruskan kewangan masing-masing dengan cekap.

Dalam kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) pada tahun 1994 dan 1995 berkenaan pengurusan kewangan di peringkat jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah terdapat ketidakcekapan dalam pengurusan kewangan. Adalah dilaporkan bahawa:

“sebahagian besar daripada masalah kewangan berpunca daripada kekangan yang dihadapi oleh Unit Kewangan dan Akaun Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) itu sendiri, seperti ketidakcekapan pengurusan kewangan di peringkat sekolah, beban tugas yang berat, peraturan-peraturan yang ketat, dan kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan.”



Mengikut sistem yang digunakan sekarang, pengetua selaku pentadbir sekolah adalah bertanggungjawab penuh bagi merancang, mengurus, mengawal serta menentukan pengurusan kewangan di sekolah dengan cekap dan berkesan (Zaidatol Akmaliah, 2000).

Menurut laporan Akhbar Utusan Malaysia pada 1 November 1997, Bahagian Audit Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengenal pasti wujudnya kelemahan dalam sistem pentadbiran di 349 buah sekolah yang melibatkan kerugian berjumlah RM2 juta pada tahun 1996. Salah satu kelemahan yang diutarakan adalah sebenarnya akibat daripada buku akaun yang tidak dikemaskinikan (Abdul Rahim Affandi, 2003).





Akhbar yang sama pada 12 Februari 2000 melaporkan kenyataan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia adalah antara 10 agensi kerajaan yang paling banyak dikaitkan dengan rasuah. Sejak tahun 1994 hingga 1999, pihak BPR telah membuat penyiasatan dan tangkapan bagi kes-kes yang melibatkan penyelewengan dan pecah amanah dalam amalan pengurusan kewangan di sekolah. Ekoran daripada itu, seramai 18 orang guru besar dan pengetua telah ditangkap oleh BPR atas sebab penyelewengan dan pecah amanah wang bernilai RM5,000,000. Antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan termasuk pecah amanah wang dan penyalahgunaan kuasa. Salah seorang guru besar yang ditangkap disyaki menyelewengkan wang peruntukan kerajaan berjumlah RM83,807.50 untuk Rancangan

Makanan Tambahan kepada pelajar miskin (Shahril @ Charil Marzuki, 2006).



Berdasarkan akhbar Berita Harian 21 Februari 2006. melaporkan bahawa Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali mengingatkan semua ketua jabatan dan pegawai pengawal di negeri Perak supaya mengetatkan kawalan terhadap tiga aspek utama iaitu perbelanjaan dan hasil, akaun dan maklumat serta kawalan dalaman dan pentadbiran. Menurut beliau, kerajaan sudah merangka mekanisme kawalan dalaman yang cukup bertujuan mewujudkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan, namun dari segi pelaksanaan, tahap pencapaian akauntabiliti masih belum boleh dibanggakan.

Kelemahan dan penyelewengan ini digambarkan dalam laporan Ketua Audit Negara yang antara lain membangkitkan isu perbelanjaan melebihi peruntukan yang diluluskan, peralatan dibeli di luar peraturan kewangan, hasil yang dikutip tidak



diakaunkan dan tidak dimasukkan ke dalam bank dalam tempoh yang sepatutnya. Kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan awam seperti ini jika berterusan dan masih lagi dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara, bererti masih lagi terdapat penjawat-penjawat awam yang terlibat dalam pengurusan kewangan, terdiri daripada mereka yang tidak menepati ciri-ciri penjawat awam yang berkualiti. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005)

1.2 Pernyataan Masalah

Pelantikan Pengetua atau Guru Besar di Malaysia pada masa ini adalah bergantung pada kekananan (*seniority*) serta pengalaman yang pernah dipegang sebagai Penolong Kanan, Ketua Bidang, dan lain-lain tugas berhubung bidang pengajaran. Kebanyakan perlantikan pengetua di Malaysia tidak mementingkan kemahiran mengenai pengurusan kewangan atau asas perakaunan. Kebiasaannya kursus kewangan hanya diberikan kepada pengetua selepas pelantikan sebagai pengetua dibuat (Mohamad Mahmood, 1997).

Situasi ini berlaku kerana sistem perlantikan pengetua di Malaysia tidak berdasarkan kepada kelayakan profesional kepengeruan iaitu tidak berdasarkan kepada latihan yang diterima dan kepakaran yang ada pada seseorang individu. Akibatnya, seseorang guru yang dilantik sebagai pengetua pada asasnya tidak mempunyai kemahiran pentadbiran kewangan yang sewajarnya (Ramaiah, 1992).

Zaidatol Akamiliah (2001) mendapati sistem pelantikan pengetua tidak berdasarkan latihan dan kepakaran. Mereka yang dilantik tidak diberikan kursus, tetapi belajar mentadbir secara cuba jaya. Dalam keadaan sedemikian, pengetua banyak bergantung pada kerani yang berpengalaman di sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang kecil yang masih tiada kerani, keadaannya lebih menyulitkan. Keadaan yang kurang memuaskan juga berpunca daripada kurangnya kawalan dan bimbingan pihak Jabatan Pendidikan, perkara ini bukan disengajakan tetapi kerana kekurangan tenaga pegawai yang berkebolehan.

Keadaan ini mencerminkan bahawa ramai pengurus sekolah didapati masih memperlihatkan kelemahan ketara dalam pengurusan kewangan sekolah. Ahmad Zaki Husin (2001), menyebut kelemahan-kelemahan ini menggambarkan kurangnya keprihatinan pegawai-pegawai pengawal dalam mengambil tindakan pembetulan atau pemulihan secara berterusan dan menyeluruh bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut dari berlanjutan sedangkan pengetua turut berhadapan dengan *liability vikarius* di bawah sistem perundangan negara. Mengikut Tie Faff Hee (2002:151) *liability vikarius* bermaksud liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh seseorang individu atau majikan atas perbuatan jenayah atau tort (sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh defendant dan membolehkan plaintiff mendapat ganti rugi di dalam mahkamah sivil) yang dilakukan oleh orang lain seperti pekerja yang sungguhpun orang yang bertanggungjawab secara *vikarius* (majikan) adalah tidak bersalah secara peribadi. Akibatnya Pengetua/ Guru Besar juga akan berhadapan dengan risiko seperti amaran, tindakan disiplin, surc妖, dan hukuman mahkamah atas kecuaian atau penyelewengan yang telah berlaku.



Shahril (1993:76-79) pernah membuat kajian kes pengurusan kewangan di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan (sekolah A) dan sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan (sekolah B) di Seremban. Beliau mendapati:

- a) Pemberian bantuan per capita(LPBT/LPK) daripada kerajaan adalah tidak mencukupi kerana harga barang pada masa kini naik.
- b) Kelewatan menerima bantuan daripada JPN juga menimbulkan masalah kerana sesetengah perbelanjaan terpaksa ditangguhkan ataupun terpaksa menggunakan duit sekolah dahulu.
- c) Sebanyak 15% pelajar tidak dapat membayar yuran khas kerana tidak mampu. ini menyebabkan kutipan yuran khas tidak dapat mencapai matlamatnya dan tabung sekolah sentiasa tidak mencukupi.
- d) Peruntukan wang daripada kerajaan perlu dihabiskan pada akhir sesuatu tahun dan bakinya tidak boleh dibawa ke tahun depan. Akibatnya pihak sekolah kadang-kadang mengalami kekurangan wang dan kadang-kadang mengalami kelebihan wang.

Saranan daripada pihak Nazir Sekolah, adalah berlainan dengan saranan yang diberi oleh pihak audit sekolah, akibatnya guru besar tidak tahu saranan mana yang perlu diikuti.

Bahagian Audit Sekolah telah berusaha membantu meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan kewangan sekolah dari masa ke semasa melalui kursus di peringkat Pengetua/Guru Besar dan Pembantu Tadbir Sekolah, perbincangan dan tunjuk ajar apabila melawat



sekolah, pemerhatian audit yang menunjukkan kelemahan pengurusan dan cara-cara mengatasi, menyediakan garis panduan penyediaan penyata, senarai semak (*checklist*) dan Anugerah Pengurusan Kewangan Sekolah Cemerlang sebagai galakan. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bersama Bahagian Kewangan juga telah mengambil langkah dalam usaha memperbaiki kualiti pengurusan kewangan, namun masih banyak kelemahan yang ketara berlaku di sekolah berhubung pengurusan kewangan (Laporan Audit Sekolah, 1999)

Sekolah adalah institusi pendidikan yang pentadbiran harta dan kewangan tertakluk kepada peruntukan yang terdapat dalam *Education (Accounts and Audit) Rules*. 1962 yang dikeluarkan di bawah Akta Pendidikan 1996. Namun, terdapat pengurus sekolah yang gagal mematuhiinya. Di bawah peruntukan itu, pihak sekolah dikehendaki menyelenggara dan menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod dengan sempurna serta menyedia dan mengemukakan satu penyata akaun pada tahun kewangan yang baru berlalu kepada pihak audit tidak lewat dari 31 Mac tiap-tiap tahun.

Mengikut *Education (Accounts and Audit) Rules* 1962, “Seseorang pengurus atau penyelia atau orang lain yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sesebuah institusi yang dibantu, perlu menyimpan akaun yang sempurna dan rekod-rekod lain dalam bentuk yang diperlukan oleh pihak Kementerian untuk semua perkara kewangan yang berkaitan dengan institusi pendidikan yang dibantu, dan perlu menyedia atau menyerahkan satu penyata akaun tahun kewangan sebelumnya dengan segera dan tidak lewat dari 31 Mac pada setiap tahun.”

Walau bagaimanapun, mengikut Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Pendidikan Bil. 4 Tahun 1988, pihak sekolah dikehendaki mengemukakan penyata akaun satu bulan lebih awal iaitu pada 28 Februari ataupun 29 Februari tahun berikutnya (yang



mana berkenaan). Ini bertujuan membolehkan penyelarasan ataupun pembetulan dibuat pada penyata akaun itu apabila perlu.

Menurut Laporan Audit Sekolah 1999, kelemahan dalam sistem kawalan dalam terimaan dan bayaran juga amat ketara apabila pemeriksaan Bahagian Audit Sekolah mendapati kutipan tidak diakaunkan dan dibankkan pada tahun 1999 berjumlah RM0.88 juta. Jumlah akaun belum terima pula RM4.74 juta. Sebanyak 146 buah sekolah pula tidak mengeluarkan resit terhadap terimaan berjumlah RM3.34 juta walaupun pada hakikatnya terimaan tersebut direkodkan dalam buku tunai dan ini mengakibatkan kehilangan wang dan penyalahgunaan tanpa disedari. Sebanyak 173 buah sekolah pula telah membuat perbelanjaan tanpa dokumen sokongan melibatkan sejumlah RM1.54 juta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Oleh sebab masih terdapat banyak kelemahan yang ketara berlaku di sekolah berhubung dengan pengurusan kewangan, maka pengkaji ingin mencungkil dan menyelami amalan pengurusan kewangan sekolah di kalangan guru besar agar kualiti pengurusan kewangan sekolah dapat dipertingkatkan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat amalan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah dengan mengukur, menilai, mengkaji dan meninjau aspek berikut:



1. Untuk mengukur tindakan pematuhan prosedur pengurusan kewangan di kalangan guru besar.
2. Untuk menilai peranan dan tanggungjawab di kalangan guru besar.
3. Untuk meninjau amalan dokumentasi di kalangan guru besar.
4. Untuk mengkaji tahap penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian kes akan cuba melihat persoalan seperti berikut:-

1. Sejauh manakah faktor demografi mempengaruhi tindakan pematuhan prosedur pengurusan kewangan di kalangan guru besar?
2. Sejauh manakah faktor demografi mempengaruhi peranan dan tanggungjawab di kalangan guru besar?
3. Adakah terdapat perhubungan antara faktor demografi dengan amalan dokumentasi di kalangan guru besar?
4. Adakah terdapat perhubungan antara faktor demografi dengan tahap penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis dibentuk untuk melihat hubungan atau perkaitan di antara dua pembolehubah.

Pembolchubah yang digunakan ialah tindakan pematuhan prosedur kewangan, peranan



dan tanggungjawab, amalan dokumentasi dan penglibatan guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah yang akan dikaitkan dengan faktor demografi. Hipotesis-hipotesis nul dibentuk seperti berikut:

H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan pematuhan prosedur pengurusan kewangan sekolah yang signifikan antara guru besar lelaki dan guru besar perempuan.

H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan peranan dan tanggungjawab yang signifikan antara guru besar lelaki dan guru besar perempuan.

H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan dokumentasi yang signifikan antara guru besar lelaki dan guru besar perempuan.

H₀₄ : Tidak terdapat perbezaan penglibatan yang signifikan antara guru besar lelaki dan guru besar perempuan.

H₀₅ : Tidak terdapat perbezaan pematuhan prosedur yang signifikan antara guru besar yang pernah menghadiri kursus dan tidak pernah menghadiri kursus.

H₀₆ : Tidak terdapat perbezaan peranan dan tanggungjawab yang signifikan antara guru besar yang pernah menghadiri kursus dan tidak pernah menghadiri kursus.

H₀₇ : Tidak terdapat perbezaan dokumentasi yang signifikan antara guru besar yang pernah menghadiri kursus dan tidak pernah menghadiri kursus.

H₀₈ : Tidak terdapat perbezaan penglibatan yang signifikan antara guru besar yang pernah menghadiri kursus dan tidak pernah menghadiri kursus.

H₀₉ : Tidak terdapat perbezaan pematuhan prosedur yang signifikan antara guru besar yang berumur 30-39 tahun, 40-49 tahun dan ≥ 50 tahun.





- H₁₀: Tidak terdapat perbezaan peranan dan tanggungjawab yang signifikan antara guru besar yang berumur 30-39 tahun, 40-49 tahun dan ≥ 50 tahun.
- H₁₁: Tidak terdapat perbezaan dokumentasi yang signifikan antara guru besar yang berumur 30-39 tahun, 40-49 tahun dan ≥ 50 tahun.
- H₁₂: Tidak terdapat perbezaan penglibatan yang signifikan antara guru besar yang berumur 30-39 tahun, 40-49 tahun dan ≥ 50 tahun.
- H₁₃: Tidak terdapat perbezaan pematuhan prosedur yang signifikan antara guru besar kelayakan akademik SPM, STPM dan Sarjana Muda.
- H₁₄: Tidak terdapat perbezaan peranan dan tanggungjawab yang signifikan antara guru besar kelayakan akademik SPM, STPM dan Sarjana Muda.
- H₁₅: Tidak terdapat perbezaan dokumentasi yang signifikan antara guru besar kelayakan akademik SPM, STPM dan Sarjana Muda.
- H₁₆: Tidak terdapat perbezaan penglibatan yang signifikan antara guru besar kelayakan akademik SPM, STPM dan Sarjana Muda.
- H₁₇: Tidak terdapat perbezaan pematuhan prosedur yang signifikan antara tempoh perkhidmatan sebagai guru besar <5 tahun, 5-10 tahun, 11-15 tahun dan 16-20 tahun.
- H₁₈: Tidak terdapat perbezaan peranan dan tanggungjawab yang signifikan antara tempoh perkhidmatan sebagai guru besar <5 tahun, 5-10 tahun, 11-15 tahun dan 16-20 tahun.
- H₁₉: Tidak terdapat perbezaan dokumentasi yang signifikan antara tempoh perkhidmatan sebagai guru besar <5 tahun, 5-10 tahun, 11-15 tahun dan 16-20 tahun.



H2o: Tidak terdapat perbezaan penglibatan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan sebagai guru besar <5 tahun, 5-10 tahun, 11-15 tahun dan 16-20 tahun.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah rendah di Daerah Manjung, Perak sahaja.

Bilangan sekolah yang dikaji juga terhad kepada 50 buah. Aspek yang dikaji hanya pengurusan kewangan sahaja sementara aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah tidak dilihat. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini mungkin tidak dapat memberi gambaran generalisasi atau menyeluruh mengenai pengurusan kewangan sekolah di Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan laporan-laporan Ketua Audit Negara dan juga Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dinyatakan dalam perkara 1.1 sebelum ini, prestasi pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh pengurus-pengurus sekolah masih di tahap tidak memuaskan. Kajian seumpama ini dirasakan amat penting diberi perhatian agar dapat memberi maklumat kepada pengurus-pengurus pendidikan di semua peringkat sama ada di pejabat-pejabat Kementerian Pendidikan, Maktab-maktab Perguruan, Institut Latihan untuk Pengurus-pengurus Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, dan khususnya kepada Guru Besar sekolah rendah.

Melalui kajian ini, pengkaji berharap ia dapat mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Guru Besar dalam mengendalikan kewangan sekolah dan diharapkan maklumat ini akan berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk mengambil tindakan susulan meningkatkan prestasi pengurusan kewangan Pengetua/ Guru Besar sekolah. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji amat berharap pihak-pihak tertentu dapat merangka strategi-strategi yang khusus untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan kewangan sekolah. Ini selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan untuk mempastikan semua program dan aktiviti yang dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berterusan ke arah kecemerlangan tanpa kecacatan (zero defect) serta objektifnya dicapai tanpa sebarang penyelewengan dan pembaziran.

Beberapa kes tataterib pegawai perkhidmatan pendidikan seperti kes melanggar arahan perbendaharan dan kes pecah amanah menurut Mohd. Ismail Othman, 2005 dalam bukunya bertajuk Undang-undang untuk Pengetua & Guru Besar, telah membuktikan bahawa Pengetua atau Guru Besar masih kurang saham sepenuhnya tentang akauntabiliti dan tatacara mereka dalam pengurusan kewangan dan perakauan sekolah. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi bakal-bakal Guru Besar sebagai panduan umum mengenai peranannya dalam pengurusan kewangan sekolah. Tindakan sedemikian diharapkan dapat melahirkan guru besar yang lebih berakauntabiliti dan berpengetahuan dalam pengurusan kewangan sekolah. Seterusnya dengan para pengurus pendidikan yang lebih profesional dan berkewibawaan ini, harap dapat tercapailah impian negara dalam menuju ke Wawasan 2020.

1.8 Pengistilahan

1.8.1 Guru Besar

Guru Besar adalah individu yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan secara rasmi dan merupakan ketua eksekutif dalam memimpin sekolah. Di dalam pengurusan kewangan sekolah, guru besar bertanggungjawab merancang, mentadbir, melulus, menyemak dan memperakaunkan semua pentadbiran kewangan yang dibuat.

1.8.2 Kerani Kewangan/ Pembantu Tadbir Kewangan

Staf sokongan yang mengendalikan urusan kewangan sekolah; orang yang mengutip wang bagi pihak pengetua dan memasukkan wang ke dalam bank. Ia biasanya merupakan orang yang menyediakan laporan kewangan dan menyimpan rekod buku tunai/ buku vot.

1.8.3 Belanjawan Sekolah

Aspek perancangan kewangan pendidikan seperti membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang penting untuk memaiyai perkhidmatan atau kelengkapan yang diperlukan oleh pihak sekolah dalam usaha menyediakan satu program pendidikan yang berkualiti. Burrup et al. (1996:292) telah mendefinisikan belanjawan sekolah sebagai pelan perbelanjaan yang melibatkan empat elemen pertama ialah perancangan, kedua ialah penerimaan, ketiga ialah perbelanjaan dan keempat ialah penilaian keputusan.

1.8.4 Pengurusan Kewangan Sekolah

Pihak pengurusan sekolah yang terlibat dalam merancang, mengurus, mengawal dan menentukan pengurusan kewangan sekolah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

1.8.5 Arahān Perbendaharaan

Arahān-arahan yang dikeluarkan oleh perbendaharaan di bawah kuasa Seksyen 4 Akta Kewangan 1957 tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan dan perakaunan dan semua pegawai perakaunan bagi Persekutuan dan Negeri-negeri dalam Malaysia adalah tertakluk kepada arahan-arahan tersebut.

1.8.6 Laporan Audit

Laporan audit merupakan laporan yang disediakan hasil dari audit yang dijalankan terhadap sesuatu entiti. Setiap pegawai audit dikehendaki memberikan satu gambaran hasil pengauditannya dalam laporan audit tersebut. Dalam konteks perakaunan sekolah, laporan audit dikeluarkan selepas proses pengaudit dan semakan oleh juruaudit selesai dijalankan. Laporan audit biasanya dijalankan selaras dengan kehendak perundangan, peraturan atau perlembagaan sesuatu entiti. Untuk sistem perakaunan sekolah, perundangan yang dimaksudkan ialah *Education (Accounts and Audit) Rules, 1962* yang digubalkan di bawah Seksyen 116 Akta Pendidikan, 1961.

1.8.7 Laporan Audit Bersyarat

Laporan audit bersyarat akan diberi apabila hasil daripada pengauditan menunjukkan adanya perkara-perkara yang tidak selaras dengan kedudukan sebenar yang ditunjukkan oleh pelanggan dalam pernyata kewangan. Ia diberi apabila perkara-perkara serius berlaku dalam urusan kewangan sekolah yang melebihi tahap materialiti iaitu RM500 bagi sekolah rendah dan RM1,000 bagi sekolah menengah bagi setiap kumpulan wang atau terdapat kes-kes serius yang tidak mengikut tahap materialiti. Laporan yang dikeluarkan menunjukkan pengauditan yang dibuat adalah bersyarat atau tertakluk kepada perkara-perkara ketara yang berlaku atau juruaudit berpendapat ia harus dilaporkan. Namun demikian ia tidak sampai ke tahap menjelaskan pendapat audit yang akan diberikan.


1.8.8 Surcaj

Hukuman denda yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib terhadap mana-mana pegawai mengikut Akta Acara Kewangan 1957. surcaj boleh dikenakan dalam bentuk wang. Terdapat dua bentuk hukuman denda wang iaitu sama ada amaun surcaj yang tidak melebihi daripada amaun yang hilang atau terpulang kepada budi bicara Lembaga Tatatertib. Ia akan direkodkan ke dalam buku perkhidmatan kerajaan pengawai berkenaan dan diberitahu kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

1.8.9 Pematuhan prosedur

Pengurus sekolah dikehendaki mematuhi tatacara yang terkandung dalam buku Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah. Penggunaan tatacara ini tertakluk kepada surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dari semasa ke semasa.

1.9 Model Konseptual



1.10 Kesimpulan

Secara keseluruh kajian ini dipecahkan kepada lima bab. Bab Satu berkenaan dengan Pendahuluan; Bab Dua mengenai Tinjauan Literatur; Bab Tiga berhubungan dengan Metodologi; Bab Empat menghuraikan Dapatan Kajian; dan akhirnya Bab Lima menyentuh tentang Perbincangan dan Kesimpulan.